



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 Januari 2025
23 Rejab 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	Ikan 'ori' Sungai Pahang makin pupus
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo	Spesies ikan Amerika Syarikat bermastautin di Cameron Highlands
Sinar Harian	Tunggu lampam, dapat <i>peacock bass</i>
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
The Sun	
Malaysiakini	
Bernama	
BenarNews Malaysia [Online]	
Guan Ming Daily	
Sabah Media	

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL	20-21	23-1-2025

Spesies ikan Amerika Syarikat bermastautin di Cameron Highlands

Oleh AJID WAGAS

WALAU PUN ikan ini sudah lama berada di Malaysia, namun taburannya sangat

terhad, hanya di sesetengah tempat di Cameron Highlands sahaja. Cuma baru-baru ini sahaja ada kedengaran spesies ikan ini dapat dipancing di kawasan tanah rendah iaitu di satu lombong di Tronoh, Perak. Mungkin ada orang yang melepaskannya di sana.

Hairan juga kerana spesies ini dikatakan hanya berasimilasi di kawasan berair sejuk seperti di Cameron Highlands, tetapi di kawasan panas ia boleh membiak pula, mungkin ia sudah dapat beradaptasi dengan baik di persekitaran tanah rendah.


Namun saya lebih berminat untuk mencari Largemouth Bass di tempat asalnya iaitu di Cameron Highlands. Semangat saya semakin membuak-buak lebih-lebih lagi salah seorang sahabat saya Zaizarul berjaya mendaratkan Largemouth Bass bersaiz gorgon, sepanjang 60 sentimeter (sm).

Melancong

Maka, satu perancangan



GEWANG topwater pencil yang dihentam Largemouth Bass milik Zaizarul.



PERSEMBAHAN Carolina Rig yang saya gunakan tempoh hari.

dilakukan, bukan sahaja untuk memancing, malah mengambil kesempatan membawa keluarga melancong sekali.

Pertama sekali orang yang dipertanggungjawabkan adalah Sani. Beliau merupakan anak muda Cameron Highlands selaku pemegang 'kunci' untuk saya memperoleh trofi ikan dambaan Largemouth Bass ini.

Saya dari Ipoh hanya memakan masa sejam 15 minit dengan jarak 64 kilometer untuk sampai ke check point yang telah ditetapkan oleh Sani iaitu di stesen minyak BHP Blue Valley.

Setibanya di situ saya terus disambut oleh Sani dengan ramah. Keluarga saya pula telah disusunaturkan oleh dia untuk berjalanan di Tauli Ruda bertampan isterinya.

Lokasi Largemouth Bass

Niat saya bukannya hendak mencari ikan saiz besar, kecil pun tidak ada masalah kerana saya cuma nak dapatkan lesen Largemouth Bass.

Tanpa membuang masa kami meneruskan perjalanan ke lokasi tersembunyi ikan target. Hanya seberang jalan dari check point untuk ke kawasan tasik tersebut. Ia terlindung dari kawasan longgokan sampah, anda pasti tidak percaya wujudnya padang pancing seluas mata memandang dengan bertemankan cuaca yang sejuk dan damai.

Awalnya saya agak terkesima, maklum sahaja pertama kali memancing dalam keadaan cuaca yang sejuk, dah rasa macam memancing di luar negara pula.

Menurut Sani, rekod 60sm yang didaratkan oleh Zaizarul tersebut adalah menggunakan gewang permukaan profil pencil dengan menaiki bot.

Kunjungan saya kali ini paras air agak tinggi disebabkan hujan kerap turun di sebelah petang dan saya pula hanya memancing dari tebing. Jadi keberangskalian untuk mendapatkan ikan saiz kasar adalah amat rendah.

Sani mencadangkan menggunakan soft plastic saiz tiga inci ke bawah. Mengikut



INILAH Largemouth Bass 60sm yang Zaizarul malkan.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			21	23-1-2025



Info spesies



SIAPA sangka spesies ikan dari Amerika Syarikat ini sudah bermastautin di Cameron Highlands sejak 40 tahun dahulu.

Menurut Sani rekod 60sm yang didaratkan oleh Zaizarul tersebut adalah menggunakan gewang permukaan profil pencil dengan menaiki bot."



IKAN Largemouth Bass atau nama saintifiknya, *Micropterus salmoides* di Cameron Highlands ini dikatakan dibawa masuk oleh pihak pengurusan Ladang Boh sebagai satu eksperimen setelah mereka beberapa kali gagal membiakkan ikan Rainbow Trout yang telah pun pupus akibat penyakit.

Benih ikan Largemouth Bass ini dibawa masuk dari Florida, Amerika Syarikat sekitar tahun 1984 (sumber, *Majalah Rod & Line*, isu April 1999).

Dahulu, populasi ikan ini hanya ada di beberapa empangan di dalam Ladang Boh sahaja, sehinggalah ada orang yang telah membawanya keluar dan melepaskannya di tasik-tasik sekitar Cameron Highlands.

Ada yang berjaya membiak seperti di tasik yang saya pancing, dan ada yang gagal. Malah ada yang sudah pun berada di tanah rendah, berkemungkinan dilepaskan pemancing juga.

Saya sarankan supaya ikan ini tidak perlu dilepaskan lagi ke perairan yang lain kerana perairan di negara kita sudah pun banyak dicerobohi spesies ikan pendatang. Jika nak dapatkan lesen ikan Largemouth Bass, silalah berkunjung ke Cameron Highlands untuk mencarinya.



1. Tasik yang menjadi mahligai Largemouth Bass di Cameron Highlands.

2. Ngam-ngam panjang 60sm.

3. Lesen pertama Largemouth Bass saya.

4. Pancing layang juga efektif untuk Largemouth Bass.

5. Ada saiz baby menunjukkan spesies ini membiak dengan baik di Cameron Highlands.

6. Sani guna spinnerbait untuk ikannya.

Percubaan pertama saya dengan cara karauan laju (*fast retrieve*) gagal. Cara kedua dengan stail angkat dan jatuh (*lift and drop*) juga tidak membuahkan hasil. Ini membuntukan fikiran saya.

Akhirnya saya mencuba dengan hanya menyeret sahaja *soft plastic* di dasar dan ternyata ikan Largemouth Bass terliur dengan gaya tersebut.

Gembira bukan kepalang, ikan sasaran berjaya dinaikkan, walaupun tidak sebesar maria, ia cukup buat saya yang telah merancang melakukan dua perkara dalam satu masa, memancing dan bercuti bersama keluarga.

Lesen Largemouth Bass sudah saya dapat, hujan gerimis pula mula turun, rasa sejuk terus mencengkam hingga ke tulang, maka saya memutuskan untuk menamatkan sesi pancingan.

resam pemancing apa kata guide, itulah yang kita sepatutnya ikut dan guna. *soft plastic* berwarna hijau tidak mendapat apa-apa sambutan, begitu juga dengan Sani yang bertukar-tukar dari *soft plastic* ke gewang, tetapi tiada apa-apa sambaran.

Set pancing

Selalunya apabila melancong bersama keluarga, saya akan membawa joran jenis *travel multi pieces* 6-14lb untuk kekili mendatar (*spinning*). Ia menjimatkan ruang dalam kereta. Joran tersebut digandingkan dengan kekili *spinning* saiz 2000 bersama tali sulam (*braided*) 15lb

dan perambut (*leader*) 20lb, ia sudah cukup kuat untuk dipertaruhkan. Balingan pertama saya dengan *soft plastic* berwarna hijau tidak mendapat apa-apa sambutan, begitu juga dengan Sani yang bertukar-tukar dari *soft plastic* ke gewang, tetapi tiada apa-apa sambaran.

Kemudian saya mencuba teknik *spinfly*, cuma saya tidak menggunakan umpan pancing layang, tetapi saya tukarkannya kepada *soft plastic*, tepat sekali ialah stail *Carolina rig*.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	✓	NEUTRAL			22	23-1-2025



Ikan *peacock bass* yang berjaya dinaikkan oleh Abdul Hadi di Empangan Kelau, Raub Pahang pada Ahad.

Tunggu lampam, dapat *peacock bass*

Spesies ikan tempatan boleh terancam di Empangan Kelau

Oleh ROSILAWATI ROSEDI RAUB

Lampam yang ditunggu-tunggu, ikan *peacock bass* (PB) menjadi hasil tangkapan di Empangan Kelau di sini, pada Ahad.

Ikan berasal dari Sungai Amazon di Amerika Selatan itu dilabelkan sebagai spesies asing berbahaya dan mampu mengancam ekosistem hidupan air di negara ini.

Pengalaman itu dikongsi seorang kaki pancing, Abdul Hadi Mohd Tarmizi, 42, yang mengakui terkejut dengan hasil tangkapan tersebut.

"Ia pengalaman kali pertama dapat ikan PB selepas beberapa tahun memancing di empangan ini.

"Saya pernah dengar cerita ikan PB ini dilepaskan di sini (empangan) empat tahun lepas oleh kaki pancing dan pernah menggigit jari orang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Jelasnya, hasil tangkapan itu turut dimuat naik di platform TikTok miliknya dan mendapat perhatian



Ikan PB yang berjaya ditangkap kali pertama di empangan terbabit.

POH PALEH MEHI

netizen yang gusar dengan nasib spesies ikan tempatan.

Abdul Hadi berkata, sifat pemangsa PB itu dapat dilihat ketika di-siang terdapat empat anak lampam dalam perut ikan terbabit.

"Ikan *peacock bass* yang dapat ditangkap pada hari tersebut boleh mencecah lebih sekilogram dan pada mulanya saya ingatkan toman kalau ikutkan gaya rentapannya.

"Dah jumpa macam ini memang risau kerana spesies tempatan boleh musnah jika dibiarkan membiak di sini," tambahnya.

Jelas Abdul Hadi, ikan PB itu kemudiannya diserahkan kepada rakannya dan difahamkan boleh dimasak tiga rasa.

INFO IKAN PEACOCK BASS

- Terdapat 15 spesies ikan *peacock bass*.
- Ikan ini berasal dari sungai-sungai di Amerika Selatan.
- Ikan yang cepat membiak.
- Sejenis ikan pemangsa, rakus dan sangat agresif.
- Tidak sesuai diternak kerana sifat pelahapnya.
- Boleh menyerang ikan lain yang lebih besar.



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		33	23.1.2025

Ikan 'ori' Sungai Pahang makin pupus

JERANTUT: Ikan asli atau 'ori' Sungai Pahang di sini semakin diancam kepupusan sejak lima tahun kebelakangan ini disebabkan faktor persekitaran dan kerakusan manusia yang tamak menangkap menyalahi moral serta undang-undang.

Antara ikan 'ori' tersebut adalah tamalian atau temoleh, tapah, jelawat, kerai, bergohak, tenggalan, kelah dan pelbagai spesies ikan patin.

Perniaga yang juga nelayan darat, Yusof Sulaiman, 50, berkata, sepanjang tahun lalu, hanya empat ekor tamalian, tiga ekor tapah dan lima ekor pelbagai spesies eksotik dijual di pasar Jerantut hasil tangkapan nelayan Sungai daerah ini.

"Pasar besar Jerantut kekal menjadi medan para penggemar mendapatkan bekalan ikan eksotik asli dari Sungai Pahang seperti tamalian, tapah, baung dan kerai walaupun bekalannya semakin berkurangan sejak lima tahun ini.

"Sebagai contoh minggu lalu, seekor ikan tamalian ocherat lebih 30 kilogram yang didaratkan nelayan sungai di Jerantut Feti dijual RM70 sekilogram. Dalam tempoh setengah jam sahaja ikan ini habis dijual kepada pelanggan.

"Kini, tangkapan ikan asli atau 'ori' sungai Pahang bergantung kepada nasib dan hari-hari tertentu sahaja," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Pasar Jerantut, di sini semalam.

Yusof yang berniaga ikan asli Sungai Pahang lebih 10 tahun berkata, ikan tamalian adalah spesies yang dilindungi dan dilarang sebarang aktiviti tangkapan pada Januari hingga April.

"Tempoh itu adalah musim ikan tamalian bertelur dan berada di kawasan air cetek secara berpasangan serta mudah ditangkap. Ikan itu boleh mencapai berat 60 kilogram," katanya.